

Kerajaan Persekutuan Yang Bangunkan Pulau Pinang - Hilmi Bernama
29 April, 2013

BALIK PULAU, 29 April (Bernama) -- Segala infrastruktur dan pembangunan di Pulau Pinang tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa bantuan kerajaan persekutuan, kata Ketua Penerangan Umno Pulau Pinang Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) telah membangunkan Pulau Pinang sehingga berjaya meletakkan negeri itu di tangga pertama dari sudut ekonominya.

"Pendapatan hasil cukai dan sebagainya daripada rakyat Pulau Pinang tidak mencukupi untuk bangunkan infrastruktur, bina jambatan, lapangan terbang, pelabuhan dan sebagainya...ia memerlukan dana yang tinggi.

"Saya pernah menjadi Timbalan Ketua Menteri dulu, memang dana daripada kerajaan negeri sendiri tidak cukup nak bina segala infrastruktur yang ada. Jadi memang perlu dapatkan sokongan daripada kerajaan persekutuan.

"Segala infrastruktur di Pulau Pinang bukan daripada dana kerajaan negeri sekarang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Bantuan Karisma Tahun 2013 di Dewan Perda, Teluk Kumbar dekat sini hari ini.

Hilmi yang juga calon bagi kerusi Parlimen Balik Pulau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan beberapa pemimpin pakatan pembangkang yang mendakwa kononnya kerajaan pimpinan BN terdahulu tidak pernah melaksanakan apa-apa pembangunan di negeri itu.

Beliau berkata sepanjang mentadbir Pulau Pinang, BN berjaya mengubah negeri itu daripada sebuah negeri pertanian kepada sebuah negeri perindustrian.

"Pulau Pinang adalah negeri yang pertama memperkenalkan 'electronic industry' pada awal tahun 70-an. Kita dah bangunkan negeri ini daripada tak ada apa-apa kepada keadaan sekarang...dari segi pelaburan kita berkembang kepada dua digit. Sebelum tahun 2008 kita nombor satu," katanya.

Hilmi berkata selepas pakatan pembangkang memerintah Pulau Pinang ekonomi negeri itu menjunam ke tangga ketujuh selain pelaburan langsung asing (FDI) juga menunjukkan penurunan.

Terdahulu, seramai 37 peserta 1Azam di Parlimen Balik Pulau menerima barangan permulaan perniagaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946158>